

**AMALAN SYURA DALAM KEPIMPINAN GURU BESAR DAN
HUBUNGANNYA TERHADAP KOMITMEN KERJA GURU**

SUHANA BINTI ABD HAMID

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

AMALAN SYURA DALAM KALANGAN GURU BESAR DAN
HUBUNGANNYA TERHADAP KOMITMEN KERJA GURU

SUHANA BINTI ABD HAMID

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Falsafah

FAKULTI TAMADUN ISLAM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FEBRUARI 2017

DEDIKASI

Terima kasih yang tidak terhingga buat

Suami tercinta anugerah terindah

Hj. Haron Bin Arual

Kasih sayang kedua ibu bapaku

Hjh. Rubisah Binti Ibrahim dan Hj Abd. Hamid Bin Sanijan

Kedua ibu bapa mertuaku

Hjh. Halimah Binti Ketot dan Hj. Arual Bin Jali

Anakanda berlima cinta hati syurgaku

Muhammad Haziq, Nur Hannani
Muhammad Harith, Muhammad Hannan,
Siti Hajar

Kekanda dan adinda pembakar semangatku

Saim, Jamil, Azizah, Hanipah, Razali, Rosnah,
Asrul Hadi, Nor Aida
Samsuddin, Shafiah
(Al-Fatihah untuk al-Marhum Hj. Muhammad Saad)

Sahabat

Kumpulan akhawat dan warga FTI/UTM
Serta al-Marhum Hj. Azman Ahmad (Semarak Jawi)
Yang sentiasa memacu minda dan memanduku ke arah kebaikan

*Semoga kehidupan kalian dipayungi rahmat dan kasih sayang Allah SWT
di dunia dan akhirat. Jazamumullah khairan kasira*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT atas izin, rahmat serta inayahNya, dapat saya menyiapkan tesis untuk projek Sarjana Falsafah ini. Tidak terucap setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih buat tuan penyelia budiman Dr. Hj. Ahmad Marzuki Bin Mohamad yang dedikasi membimbing, melontarkan kata semangat, memberi tunjuk ajar serta kolaborasi membina agar saya sentiasa bersikap positif sepanjang proses menyiapkan tesis ini.

Terima kasih juga kepada pensyarah penilai sesi *draf proposal*, *proposal defense*, dan sesi kolokium yang memberi panduan dan sokongan semasa menilai penulisan tesis ini. Kepada tuan Dekan FTI, seluruh warga pensyarah FTI/UTM atas tunjuk ajar dan tindakan terhadap kemusykilan saya.

Tidak dilupa jasa dan bakti pihak PPID, Jabatan Agama Johor yang memberi keizinan saya menyambung pengajian peringkat master, juga kepada pihak *Mybrain15* (2015-2018) selaku penaja pembiayaan pengajian, kakitangan pejabat FTI/UTM yang menyediakan keselesaan sebagai pelajar, kakitangan perpustakaan di UTM, MPPG, juga rakan sejawat di Sekolah Agama Taman Rinting. Pihak yang sentiasa bersama saya dalam bermujahadah di lautan ilmu.

Segala jasa baik dan kasih sayang kalian, akan kekal dalam ingatan. Hanya Allah SWT jua yang membalas kebaikan dan amal jariah dunia dan akhirat. Amin ya Rabb..#UTM di hatiku.

ABSTRAK

Amalan syura dalam kalangan guru besar melalui perbincangan dalam menentukan sesuatu keputusan dipercayai dapat memberikan impak yang besar terhadap komitmen kerja seseorang guru. Justeru apabila guru besar tidak mengamalkan prinsip syura dalam kepimpinannya, ia akan mengurangi komitmen kerja seseorang guru. Untuk tujuan tersebut, kajian telah mengadaptasi kepimpinan Rasulullah sebagai model asas amalan syura. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan amalan syura dalam kepimpinan guru besar di Sekolah Agama Daerah Johor Bahru dan hubungannya terhadap komitmen kerja guru. Elemen kepimpinan yang dikaji merangkumi keterbukaan, kesepakatan, kepercayaan, nasihat, dan amanah. Sementara elemen komitmen kerja guru pula merangkumi tanggungjawab, kerjasama, disiplin, kompetensi, dan hubungan organisasi. Selain itu, kajian ini juga meninjau sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara elemen amalan syura dalam kepimpinan guru besar dengan komitmen kerja guru. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan menjadikan soal selidik sebagai asas pemerolehan data. Seramai 200 orang guru dari 23 buah sekolah agama bergred A di daerah Johor Bahru dipilih menjadi responden kajian. Dapatan kajian ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Science* (SPSS) 22.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan amalan syura dalam kepimpinan guru besar sangat tinggi dengan catatan nilai *alpha cronbach* 0.946. Hasil kajian mendapati kelima-lima elemen amalan syura mempunyai hubungan yang signifikan terhadap peningkatan komitmen kerja guru. Elemen keterbukaan menjadi elemen utama dalam kepimpinan syura membuktikan bahawa guru besar sewajarnya sentiasa mengaplikasikan sikap keterbukaan demi mencapai peningkatan komitmen kerja yang dinamik. Kerangka asas syura yang dibina merangkumi kepimpinan Rasulullah SAW sebagai panduan ke arah kepimpinan yang syumul dan amat mendorong peningkatan komitmen kerja guru yang mapan. Kesimpulannya, implikasi kepimpinan syura berupaya memastikan prestasi cemerlang pendidikan di sekolah serta melahirkan murid yang berketrampilan.

ABSTRACT

The practice of *Shura* by headmasters through discussion and by making decision together with the teachers is believed to give great impacts to teachers' work commitment. Thus, failing to do so will reduce teachers' work commitment. For the matter, the study has constructed a *Shura* framework based on the leadership of the Prophet Muhammad. The objective of this research is to examine the implementation of *Shura* practice among headmasters in Islamic schools in Johor Bahru district and its relation with teachers' work commitment. Leadership elements that have been studied include openness, consensus, trust, advice, and *amanah*. While the elements of teachers' commitment encompass responsibility, cooperation, discipline, competence, and organisational relationship. Besides that, this study also studied whether there is a significant relationship between the elements of *Shura* under the headmasters' leadership with teachers' work commitment. This study used quantitative design with the questionnaire as a fundamental data acquisition. A total of 200 teachers from 23 Grade A Islamic schools in Johor Bahru were selected as respondents of this study. The data was analysed using the *Statistical Package for The Social Science* (SPSS) 22.0. The results showed that the practice of *Shura* under the headmasters' leadership was high with a *Cronbach's alpha* value of 0.946. The study found that the five elements of the *Shura* practice have a significant relationship towards the increase of teachers' work commitment. The element of openness is the key element in *Shura* leadership which proved that the headmasters should always apply openness to achieve a dynamic increase in work commitment. *Shura* framework was built based on the leadership of Prophet Muhammad as a guideline towards a holistic leadership and it encourages the increase in sustainable teachers' work commitment. In conclusion, the implication of *Shura* leadership helps to ensure an outstanding educational performance in school and produce competent students.

ISI KANDUNGAN

| BAB | TAJUK | HALAMAN |
|------------|---|----------------|
| | PENGAKUAN | ii |
| | DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | ISI KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | xi |
| | SENARAI RAJAH | xiii |
| | SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL | xiv |
| | SENARAI TRANSLITERASI | xv |
| | SENARAI LAMPIRAN | xvi |
| 1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.1 Pendahuluan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Masalah | 3 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 11 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 12 |
| | 1.5 Persoalan Kajian | 13 |
| | 1.6 Hipotesis | 14 |
| | 1.7 Kepentingan Kajian | 16 |
| | 1.8 Skop dan Batasan Kajian | 18 |
| | 1.9 Kerangka Teori | 18 |
| | 1.9.1 Kerangka Konseptual Kajian | 22 |
| | 1.10 Definisi Operasional | 28 |
| | 1.10.1 Amalan Syura | 28 |
| | 1.10.2 Guru Besar | 29 |
| | 1.10.3 Komitmen Kerja | 29 |
| | 1.10.4 Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor | 30 |

| | | |
|----------|---|------------|
| | 1.11 Penutup | 31 |
| 2 | SOROTAN KAJIAN | 32 |
| | 2.1 Pendahuluan | 32 |
| | 2.2 Definisi Syura | 32 |
| | 2.3 Konsep Syura | 34 |
| | 2.4 Syura Menurut Al-Quran | 36 |
| | 2.5 Prinsip Syura Menurut Perspektif Islam | 40 |
| | 2.5.1 Berpandukan al-Quran dan sunah | 41 |
| | 2.5.2 Kesepaduan Persaudaraan | 42 |
| | 2.5.3 Membuat Keputusan Berasaskan Syura | 43 |
| | 2.6 Prinsip Membuat Keputusan Mengikut Barat | 45 |
| | 2.7 Syura Menurut Pandangan Sarjana Islam | 47 |
| | 2.7.1 Ibnu Taimiyyah (661-728 AH) | 47 |
| | 2.7.2 Al- Ghazali (1058 – 1111) | 48 |
| | 2.7.3 Al-Farabi (870 – 950M) | 49 |
| | 2.7.4 Imam Hassan al-Banna (1906-1949) | 50 |
| | 2.8 Syura Sebagai Amalan Rasulullah SAW | 51 |
| | 2.9 Syura Sebagai Amalan Para Sahabat | 54 |
| | 2.10 Ciri-Ciri Syura Dalam Kepimpinan Kepimpinan Rasulullah SAW | 58 |
| | 2.11 Elemen-Elemen Syura | 61 |
| | 2.12 Kepentingan Syura | 68 |
| | 2.13 Definisi Komitmen Kerja | 72 |
| | 2.14 Elemen-Elemen Komitmen Kerja Guru | 74 |
| | 2.15 Faktor Yang Mempengaruhi Komitmen Kerja Guru. | 79 |
| | 2.16 Teori Perubahan Sosial Ibn Khaldun (1960) dan Teori Koitmen Meyer dan Allen (2001) | 85 |
| | 2.17 Kajian-Kajian Lepas | 86 |
| | 2.17.1 Kajian Di Dalam Negara | 86 |
| | 2.17.2 Kajian Di Luar Negara | 98 |
| | 2.18 Penutup | 102 |
| 3 | METODOLOGI | 103 |
| | 3.1 Pendahuluan | 103 |
| | 3.2 Reka Bentuk Kajian | 104 |
| | 3.3 Lokasi Kajian | 106 |
| | 3.4 Populasi dan Persampelan | 106 |
| | 3.5 Instrumen Kajian | 108 |

| | | |
|----------|--|------------|
| 3.5.1 | Soal Selidik Amalan Syura | 109 |
| 3.5.2 | Soal Selidik Organizational Commitment Questionnaire (OCQ) | 110 |
| 3.6 | Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kuantitatif | 113 |
| 3.6.1 | Kesahan | 114 |
| 3.7 | Kajian Rintis | 119 |
| 3.8 | Kaedah Pengumpulan Data | 121 |
| 3.9 | Menulis Laporan | 127 |
| 3.10 | Penutup | 128 |
| 4 | DAPATAN KAJIAN | 129 |
| 4.1 | Pendahuluan | 129 |
| 4.2 | Pemeriksaan Data dan Pengukuran | 129 |
| 4.2.1 | Kelengkapan Data | 130 |
| 4.2.2 | Kebolehpercayaan Pengukuran | 132 |
| 4.2.3 | Kesahihan Data | 134 |
| 4.2.4 | Kenormalan Data: Skewness dan Kurtosis | 136 |
| 4.3 | Latar Belakang Responden | 137 |
| 4.3.1 | Taburan Kekekapan Mengikut Demografi | 138 |
| 4.4 | Analisis Deskriptif Berhubung Elemen Amalan Syura | 139 |
| 4.5 | Hubungan Antara Amalan Syura Terhadap Komitmen Kerja Guru | 146 |
| 4.6 | Analisa Dapatan Berdasarkan Pengukuran Regresi Berganda Berkaitan Hipotesis Kajian | 151 |
| 4.7 | Pembinaan Kerangka Asas Kepimpinan Syura | 162 |
| 4.8 | Penutup | 163 |
| 5 | RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN | 164 |
| 5.1 | Pendahuluan | 164 |
| 5.2 | Ringkasan Dapatan Kajian | 165 |
| 5.3 | Perbincangan Analisis Dapatan Deskriptif | 169 |
| 5.3.1 | Pelaksanaan Amalan Syura Dalam Kepimpinan Guru Besar | 169 |
| 5.3.2 | Elemen Komitmen Kerja Guru | 180 |
| 5.3.3 | Hubungan Amalan Syura Terhadap Peningkatan Komitmen Kerja Guru | 183 |

| | |
|--|------------|
| 5.3.4 Pembinaan Kerangka Asas Syura Dalam Kepimpinan Guru Besar | 189 |
| 5.4 Rumusan Dapatan Kajian | 192 |
| 5.5 Implikasi Kajian | 193 |
| 5.6 Cadangan Kajian Lanjutan | 196 |
| 5.7 Penutup | 198 |
| BIBLIOGRAFI | 199 |

SENARAI RAJAH

| NO.RAJAH | TAJUK | HALAMAN |
|----------|---|---------|
| 1.1 | Teori Perubahan Sosial Ibnu Khaldun (1960) Dan Teori Meyer dan Allen (2001) | 19 |
| 1.2 | Elemen Tiga Dimensi Komitmen Meyer & Allen (2001) | 21 |
| 1.3 | Kerangka Konseptual Penyelidikan | 22 |
| 3.1 | Carta Alir Reka Bentuk Kajian | 105 |
| 3.2 | Prosedur Mereka Bentuk Instrumen | 112 |
| 3.3 | Kaitan Konsep Kajian Dengan Kepolehpercayaan Item | 113 |
| 3.4 | Prosedur Pengesahan Instrumen | 116 |
| 3.5 | Kaedah Pengumpulan Data | 122 |
| 3.6 | Tafsiran Koefisien Korelasi Pearson | 126 |
| 4.1 | Peringkat Pemeriksaan Data dan Pengukuran | 130 |
| 4.2 | Interprestasi Tahap Mengikut Nilai Skor Min | 139 |
| 4.3 | Analisis Dapatan Elemen Amalan Syura Yang Signifikan Terhadap Komitmen Kerja Guru | 153 |
| 4.4 | Analisis Regresi Berganda Elemen Syura Yang Menjadi Peramal Terhadap Komitmen Kerja Guru | 161 |
| 4.5 | Elemen Asas Model Kepimpinan Syura | 162 |
| 5.1 | Kerangka Asas Syura Dalam Kepimpinan | 190 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|-------|--|
| % | Peratusan |
| & | dan |
| FTI | Fakulti Tamadun Islam |
| JPN | Jabatan Pendidikan Negeri |
| JPA | Jabatan Pendidikan Agama Johor |
| j-QAF | Jawi, al-Quran, Arab, Fardu Ain |
| KAFA | Kelas Al-Quran Fardu Ain |
| KPP | Komuniti Pembelajaran Profesional |
| OCQ | <i>Organizational Commitment Questionnaire</i> |
| S1 | Syura |
| SAW | Salla Allah ‘Alaihi Wa Sallam |
| SWT | Subhanahu Wa Ta’ala |
| SMK | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| SMKA | Sekolah Menengah Kebangsaan Agama |
| SPSS | <i>Statistical Package For The Social Science for Windows Version 20.0</i> |
| SUKJ | Suruhanjaya Kerajaan Negeri Johor |
| TAJ | Tadika Agama Johor |
| UKM | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| UTM | Universiti Teknologi Malaysia |
| K1 | Komitmen |

SENARAI TRANSLITERASI

Ejaan kalimah Arab berdasarkan kepada sistem transliterasi berikut:

| Huruf Arab | Transliterasi | Huruf Arab | Transliterasi |
|------------|---------------|------------|---------------|
| أ | a/'a | ض | d |
| ب | b | ط | t |
| ت | t | ظ | ẓ |
| ث | th | ع | ' |
| ج | j | غ | gh |
| ح | h | ف | f |
| خ | kh | ق | q |
| د | d | ك | k |
| ذ | dh | ل | l |
| ر | r | م | m |
| ز | z | ن | n |
| س | s | و | w/u |
| ش | sh | ه | h |
| ص | ṣ | ي | Y |

Manakala bagi huruf panjang dalam ejaan Arab pula dengan penggunaan transliterasi berikut:

| Huruf Arab | Transliterasi |
|------------|---------------|
| ا | â |
| و | î |
| ي | ũ |

SENARAI LAMPIRAN

| NO.LAMPIRAN | TAJUK | HALAMAN |
|--------------------|---|----------------|
| A | Soal Selidik | 218 |
| B | Contoh Surat Pengkaji Memohon Kebenaran Mendapatkan Maklumat Kajian | 224 |
| C | Contoh Surat Kebenaran Mendapatkan Maklumat kajian Di Sekolah Agama Daerah Johor Bahru Gred A | 225 |
| D | Contoh Surat Pengesahan dan Permohonan Mendapatkan Maklumat Berkaitan Kajian | 226 |
| E | Contoh Surat Pelantikan Pakar Rujuk Dan Jururunding Penyelidikan | 227 |
| F | Contoh Surat Sokongan Bagi Mengikuti Program Ijazah Sarjana | 228 |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kecenderungan terhadap amalan syura dalam kepemimpinan organisasi yang berwibawa bukan sahaja pada ruang lingkup mewujudkan persefahaman, namun pelaksanaan syura sebagai suatu perintah Allah SWT serta sunah Rasulullah SAW. Organisasi kepimpinan yang mantap sewajarnya dikendalikan secara muafakat dan berkumpul serta melibatkan seluruh ahli dalam semua aspek yang menjurus kepada peningkatan komitmen kerja dan kecemerlangan organisasi tersebut. Kecemerlangan organisasi sekolah amat menitik beratkan amalan syura agar wujud komitmen kerja yang mapan bagi meningkatkan prestasi pendidikan yang efektif (Lokman dan Mohd Anuar, 2011).

Syura merupakan amalan kepimpinan Rasulullah SAW yang unggul iaitu sentiasa melakukan perbincangan sama ada secara formal atau tidak formal. Dalam memacu pelaksanaan syura kepimpinan saharusnya mengutamakan hubungan baik sesama ahli organisasi, membina semangat kekitaan tanpa tekanan dan paksaan, mewujudkan persefahaman ke arah kepimpinan yang lebih cekap dan berintegriti, serta menerbitkan suasana yang menjadikan pemimpin tersebut disegani dan disenangi oleh para pengikutnya (Shahril, 2003). Metode kepimpinan Rasulullah SAW dan para sahabat adalah sentiasa mewujudkan suasana perkongsian visi dan misi, membudayakan kerja berpasukan (*amal*

jamaie), bersikap terbuka, melaksanakan amalan syura secara istiqamah demi memastikan kedaulatan Islam dan umatnya agar maju ke hadapan dalam pelbagai bidang untuk memakmurkan bumi Allah SWT (Aziah *et. al.*, 2007; al-Banna, 2006; Yulk 2006; Kouzes dan Posner 2003; Ismail Noor, 2000; al-Talib (2001). Sebagaimana Rasulullah SAW sentiasa menerima dan meminta pandangan daripada para sahabat dalam semua situasi yang membawa ke arah kebaikan dan kepentingan umat. Baginda SAW menerima pandangan para sahabat biarpun pandangan tersebut bertentangan dengan pandangan baginda SAW seperti yang berlaku dalam peperangan Uhud yang mana para sahabat berpendapat umat Islam harus keluar dari kota Madinah sedangkan baginda SAW pula menyatakan pendapatnya agar umat Islam tetap berada di kota Madinah. Lantas baginda SAW mendahulukan pendapat majoriti para sahabat yang mahu bertempur dengan bala tentera Quraisy di luar kota Madinah (Husna, 2013).

Komitmen kerja memberi impak positif dalam organisasi yang mengamalkan syura bagi merealisasikan peningkatan prestasi organisasi pendidikan. Kepimpinan organisasi perlu melaksanakan syura sebagaimana kepimpinan Rasulullah SAW terutama dalam usaha mewujudkan hubungan dengan Allah SWT (*hablun min Allah*). Menurut AL. Ramaiah (2009), bahawa syura membentuk sebuah organisasi yang mapan dan mewujudkan kepimpinan yang dinamik melalui kebebasan menyuarakan pendapat serta ruang menyalurkan nasihat dan teguran berbanding membuat keputusan sendiri (Kamarul Azmi, 2010; Abdullah, 2002; Razak, 2001). Jelasnya, amalan syura menjadi obligasi kepada guru besar yang tidak merugikan malah membawa kejayaan terhadap institusi sekolah dengan wujudnya peningkatan komitmen kerja guru yang konsisten di samping meningkatkan prestasi dan mutu pendidikan secara proaktif (Saptuyah, 2012; Wan Marzuki, 2012; Razak, 2001).

Maka sewajarnya pemimpin menunaikan tanggungjawab terhadap organisasi melalui sikap berlemah lembut dan mengamalkan amalan syura (*al-Hujuraat 49:12,13; al-Taubah 9:108; al-Hashr 59:9; Muslim 1992:4685*) bagi menerapkan nilai-nilai kepimpinan Islam yang meneladani sunnah Rasulullah SAW di samping memberi kesan peningkatan komitmen kerja. Melalui amalan

syura, akan wujud komitmen kerja daripada buah fikiran setiap organisasi serta dapat mentarbiahkan kerohanian menurut tuntutan Islam dengan kesepakatan dari keputusan yang disuarakan secara kolektif (*ali Imran 3:159*) dan menghindari pertelingkahan (*al-Nisa 4:59*). Hal ini menunjukkan ciri pemimpin berkesan yang mengamalkan tingkah laku beretika iaitu sentiasa mendengar dan menerima pandangan orang lain kerana dirinya juga manusia biasa yang diangkat sebagai pemimpin (*al-Nisa 4:58*, Muslim 1992:1528) dan bagi orang yang berakhlak dalam kalangan pemimpin dianggap telah melakukan amal kebaikan yang besar (Muslim 1992: 4632,4633). Oleh yang demikian, amalan syura perlu dilaksanakan dalam kepimpinan kerana hubungannya yang amat penting kepada komitmen kerja organisasi seterusnya memastikan peningkatan prestasi pendidikan mencapai matlamat sepenuhnya.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kepimpinan organisasi didapati hanya mengarah atau bersikap autokratik tanpa mengamalkan syura sehingga mengurangi komitmen kerja organisasi yang menjadi keutamaan dalam mewujudkan prestasi pendidikan yang berdaya maju. Kajian Rose. E (2008) mendapati kepimpinan organisasi tidak mengamalkan syura sebagaimana tuntutan mempengaruhi pengikut sehingga memberi kesan kepada komitmen kerja dan mencapai matlamat sebuah organisasi pendidikan. Kajian Ahmad Marzuki (2013) menegaskan kepimpinan guru besar yang sentiasa mengarah guru dalam melaksanakan sesuatu tugas secara autokratik dengan mengeneipkan budaya komunikasi dua hala dan perbincangan awal akhirnya didapati membawa kepada wujudnya jurang yang tinggi antara mereka dengan guru. Maka perselisihan faham dan tidak kepuasan hati yang berlaku menghalang perkembangan sendiri dan pencapaian misi sekolah sebagai institusi pendidikan yang cemerlang disebabkan tiadanya komitmen kerja guru yang mapan.

Foo (2013) dan Daresh (2001) dalam kajiannya mendapati bahawa masih ramai guru besar yang mendokong kepimpinan berasaskan model pengurusan klasik berkonsepkan birokrasi dalam mengurus sekolah. Lumrahnya, akan wujud

gaya kepemimpinan autokratik menerusi peraturan formal, mengeneppikan pandangan ahli organisasi, menafikan kehendak psikologi guru, dan tidak berperanan sebagai pemimpin yang dapat menjana modal insan yang berkualiti bagi tujuan pembangunan pendidikan (Chan, 2010). Oleh itu, organisasi sekolah harus menerima perubahan dan perkembangan ke arah memantapkan perkhidmatan yang melibatkan hubungan dua hala dengan pengikut, mengaplikasikan potensi ahli organisasi, serta mengendalikan autoriti pemimpin sebagai peneraju utama organisasi secara fleksibel (Suhana *et. al.*, 2015 dan Abdul Ghani, 2009). Pemimpin perlu menggunakan kemahiran komunikasi berkesan dalam organisasi serta berasaskan prinsip kepemimpinan Islam iaitu yang mendorong pembangunan sahsiah dan kesucian hati (*al-Hajj 22:32*), menerapkan sikap ambil cakna tugas dan peranannya sebagai ahli organisasi dan meningkatkan komitmen kerja guru di sekolah.

Kepimpinan organisasi perlu mengamalkan amalan syura untuk mewujudkan kerja berpasukan yang mantap di samping memastikan peningkatan sikap bekerjasama, serta mencapai kepuasan dan komitmen kerja yang tinggi. Analisis kajian Sapora (2014) mendapati kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru di sekolah menengah daerah Segamat berada pada tahap sederhana dengan nilai min keseluruhan ialah 2.93 sahaja yang menunjukkan perlunya corak kepemimpinan yang mengamalkan amalan syura untuk mewujudkan semangat kerja berpasukan yang mantap. Kajian juga mendapati 89% responden amat bersetuju bahawa tanggungjawab yang diberikan akan dapat dilaksanakan dengan baik sekiranya dilakukan secara kerjasama dalam pasukan. Sementara kajian Morsidi *et. al.*, (2004), menunjukkan terdapatnya masalah yang serius iaitu kurangnya sikap kerjasama dan penurunan komitmen kerja dalam organisasi yang dikatakan berpunca daripada tiada amalan syura dalam membuat sesuatu keputusan berkaitan kepemimpinan organisasi. Kajian ini juga telah menghasilkan satu instrumen yang dapat mengukur indeks kerjasama melalui adaptasi kepemimpinan cemerlang seperti keterbukaan, kesepaduan, dedikasi dan keikhlasan. Kepimpinan merupakan suatu sistem yang dinamik serta bersikap keterbukaan dalam menyelaras dan memandu organisasi ke arah pencapaian matlamat bersama bagi membangunkan organisasi yang cemerlang (Saptuyah, 2012)

Kesedaran terhadap kepentingan amalan syura didapati kurang pengamatan dalam kalangan kepimpinan organisasi yang memberi impak negatif kepada sikap persefahaman antara ahli yang terlibat. Kajian Abdul Kudus (2007) berkaitan amalan syura mendapati 65% daripada warga guru sekolah menengah di daerah Segamat memperakui bahawa tahap persefahaman mereka adalah sederhana dan analisis kajian menggambarkan bahawa guru besar tidak memberi bimbingan, latihan, dan motivasi ke arah persefahaman yang jitu. Sementara itu, 54% responden kajian bersetuju mengatakan prinsip amalan syura tidak dititik beratkan dalam organisasi selain hanya mementingkan pencapaian akademik sahaja. Kajian Lokman *et. al.*, (2012) pula mendedahkan bahawa kepimpinan guru besar yang tidak mengamalkan amalan syura didapati mewujudkan kesan negatif ke atas peningkatan komitmen kerja guru. Kajian ini turut menunjukkan bahawa guru besar lebih merujuk kepada model kepimpinan birokratik yang dianggap lebih berkesan dan tiada bantahan dalam kalangan guru di sekolah. Manakala 57% guru besar yang baru dilantik amat bersetuju mengatakan mereka kabur tentang peranannya selaku pemimpin yang menjana komitmen kerja guru di sekolah. Sementara Samaratul (2009), merekodkan bahawa amalan syura adalah kunci mewujudkan pembinaan semangat persefahaman iaitu dihasilkan melalui pendekatan saling bertukar fikiran dan keterbukaan pemimpin dalam organisasi.

Peranan guru besar selaku pemimpin pendidikan hanya melaksanakan amalan syura dalam usaha meningkatkan pencapaian pendidikan sahaja berbanding usaha memperolehi kepuasan dan komitmen kerja guru di sekolah. Kajian Herbert (2006) berkaitan kepimpinan autokratik dalam kalangan guru besar mendapati bahawa mereka terlalu mengutamakan pencapaian akademik sahaja sehingga mengenyepikan peranannya selaku pemimpin yang dipertanggungjawabkan memimpin sekolah agar berfungsi dengan teratur dan berkesan, serta meningkatkan komitmen dan kepuasan kerja guru. Kajian juga mendapati guru amat bersetuju sekiranya mereka diberi peluang dan ruang bertukar pandangan dalam urusan pengorganisasian dan hal yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran secara seimbang dan konsisten. Sementara kajian Zulkafli (2008) berkaitan penglibatan guru dalam amalan syura (mesyuarat) mendapati penglibatan guru dalam membuat keputusan berkaitan pengurusan

sekolah hanya berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran akademik murid. Dapatan kajian turut mencatatkan 59% responden kajian kurang bersetuju bahawa mereka bersama-sama membuat keputusan terhadap penyusunan organisasi mengikut kemahiran dan tugas masing-masing. Analisis kajian ini juga menyimpulkan bahawa amalan syura penting bagi mewujudkan kepuasan dan komitmen kerja guru di sekolah. Manakala analisis kajian Mohd Nor (2010) menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana dan signifikan antara kepimpinan guru besar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) terhadap kepuasan dan komitmen kerja guru sebanyak $r=507$ sementara di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) pula berada pada tahap yang rendah iaitu $r=414$. Perbandingan analisis kajian ini memberi input penting perlunya pengamalan amalan syura dalam kepimpinan di semua peringkat organisasi. Menurut Aminuddin (2001) bahawa hubungan yang positif antara guru besar dengan para guru amat memberi impak positif yang dominan terhadap peningkatan prestasi, kepuasan kerja dan komitmen kerja di sesebuah sekolah. Kepimpinan organisasi akan gagal jika pelakunya hanya mementingkan persoalan birokrasi, psikologi dan persoalan teknikal sahaja dengan mengeneipkan keperluan lain yang bersifat kemanusiaan (Ahmad Marzuki, 2013).

Kepimpinan pengajaran guru besar yang tidak mengamalkan amalan syura didapati menurunkan nilai kepercayaan guru serta menghalang peningkatan komitmen kerja di sekolah. Analisis kajian Lokman *et. al.*, (2012), mendapati kepimpinan pengajaran guru besar yang mengamalkan amalan syura mempunyai nilai pemberatan regresi pada skala yang rendah dengan nilai 0.29 sahaja. Manakala analisis kajian menunjukkan tahap kepercayaan guru berada pada kedudukan sederhana yang memberi gambaran jelas bahawa pentingnya amalan syura sebagai peramal yang signifikan terhadap kepercayaan guru di sekolah dan seterusnya dapat meningkatkan komitmen kerja organisasi. Kepercayaan yang tinggi dalam kalangan ahli organisasi akan menggalakkan sikap bekerjasama dan mewujudkan semangat kerja berpasukan serta meningkatkan prestasi dan komitmen kerja (Doney *et. al.*, 2006). Manakala Van Dyne *et al.* (2010) menyatakan organisasi yang mempunyai tahap kepercayaan yang rendah akan mengurangi keterlibatan dalam amalan organisasi serta mengasingkan diri kerana merasakan dirinya tidak dilayan dengan adil.

Komunikasi dua hala dalam kepimpinan pendidikan sangat memberi impak positif iaitu mewujudkan suasana organisasi yang kondusif serta meningkatkan komitmen kerja guru di sekolah. Analisis kajian Latip (2007) mendapati bahawa kepimpinan guru besar di 46 buah sekolah kajiannya adalah amat jarang berkomunikasi dengan guru bawahan sama ada berlaku secara formal atau tidak, sedangkan kepimpinan guru besar perlu berperanan sebagai pemimpin yang prihatin dan dinamik. Sementara Wan Zahid (2010) dalam kajiannya mendapati kepimpinan organisasi kurang bersedia mengaplikasikan nilai-nilai positif dalam kepimpinan seperti keterbukaan, kejelekitan, komunikasi berkesan, dan kesepaduan kerana mereka lebih menumpukan tugas rutin di pejabat. Kepimpinan perlu memainkan peranan utama sebagai pengelola kepada seluruh warga sekolah masing-masing (Mohd Suhaimi dan Zaidatol, 2007) mudah ditemui bagi menghargai, membela, menjaga hubungan, dan keharmonian serta memastikan terjalannya hubungan dua hala (Harris dan Lowery, 2002).

Ketiadaan model kepimpinan Islam yang dominan sebagai indikator kepada kepimpinan organisasi menyukarkan pemimpin mencorak kepimpinan mereka. Menyoroti kajian Baharom (2012) menunjukkan tiada suatu model berasaskan kerangka teori kepimpinan Islam yang dominan pada masa ini untuk melahirkan kepimpinan yang terunggul. Kajian mendapati kepimpinan organisasi sering menggunakan kepelbagaian kerangka orientasi kepimpinan bagi mencapai matlamat organisasi asalkan pengikut berpuas hati dengan kerja dan kepimpinan yang mereka pameran. Manakala Griffith (2004) mengatakan walaupun terdapatnya kajian yang menghubungkan antara kepimpinan dengan kepuasan kerja organisasi, tetapi hasil dapatannya adalah bercanggah antara satu dengan lain. Kajian berkaitan penambahbaikan bidang kepimpinan organisasi amat perlu diterokai dan dititik beratkan secara mendalam kerana ianya suatu bidang yang akan menentukan hala tuju sesebuah Negara iaitu bermula dari kepimpinan di peringkat sekolah (Mohd Nor, 2010). Sementara kajian Fathiah (2008), turut bersetuju bahawa suasana kepimpinan bercirikan keislaman yang hakiki dapat menyediakan persekitaran yang harmonis, perasaan *mahabbah*, saling menghormati serta terlaksananya aktiviti dan proses pendidikan serta pembentukan sahsiah yang akhirnya meningkatkan prestasi sekolah.

Kajian berkaitan pelaksanaan amalan syura (mesyuarat) dalam kepimpinan guru besar kurang dijalankan sama ada di dalam negara atau di luar negara sedangkan ianya amat bermanfaat kepada organisasi dalam menyempurnakan tanggungjawab terutamanya di dalam bidang pendidikan. Kajian Md. Mohiden (2013), Mohd Shahrul (2013), dan Ahmad Sufian (2006) meninjau bagaimana pengamalan prinsip kepimpinan Rasulullah SAW yang bersifat *siddiq, amanah, tabligh*, dan *fathonah* dalam kalangan guru besar bagi mendepani kepimpinan yang syumul dan mampu memandu guru mencapai visi dan misi sekolah berasaskan kepimpinan Islam. Sementara kajian Ahmad Marzuki (2013), mengemukakan amalan kepimpinan Islam iaitu mendasari elemen prinsip akidah tauhid, keadilan, syura, ihsan, pembentukan insan, amal jamaie, serta merujuk kepada syariat terhadap atribut Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) yang menjadi tunggak utama membentuk keperibadian terhadap para pendidik dan pelajar dengan pembinaan iklim dan persekitaran sekolah yang kondusif dan mapan. Manakala kajian Shahmila (2013) pula menganalisis amalan kepimpinan Islam menurut Imam al-Ghazali berasaskan elemen prinsip kesederhanaan, sedia berkhidmat dan amalan syura selain memfokuskan hubungan yang akrab antara kepimpinan dengan pengikutnya bagi menambah nilai modal insan dalam aspek pendidikan di sekolah. Justeru itu, kajian mendalam tentang kepimpinan berasaskan amalan syura perlu dilakukan dengan lebih fokus dan khusus supaya dapat dimanfaatkan oleh guru besar dalam menghasilkan kepimpinan kompeten serta mewujudkan warga organisasi sekolah yang progresif.

Peningkatan komitmen kerja guru direalisasikan dengan adanya amalan syura yang dilaksanakan oleh kepimpinan guru besar. Sebagaimana Khaliq (2009), menegaskan bahawa komitmen kerja terhasil dengan pelaksanaan amalan syura yang bertitik tolak melalui perbincangan dan perundingan antara ahli organisasi terhadap isu atau permasalahan umat yang berlaku. Amalan syura terkandung dalam perintah yang disebutkan di dalam al-Quran (*al-Shura 42:38; ali-Imran 3:159*) menggambarkan peri pentingnya *musyawarah* dalam keseluruhan aspek kehidupan manusia. Selain memberi manfaat melalui perbincangan dan perundingan yang dapat menyelesaikan sesuatu masalah, meningkatkan komitmen kerja, amalan syura merupakan lambang asasi *al-syariah*

yang wajib dilaksanakan oleh pemimpin (Ibn Manzur, 1968). Sementara Dale Carnegie (2013) menyatakan bahwa kritikan atau teguran yang wujud merupakan *ibrah* kepada pemimpin atau guru besar agar bijak mengambil peluang dan manfaat komunikasi dua hala sebagai pendekatan dalam kepemimpinan mereka. Tabiat menuding jari kepada individu lain akan mempamerkan kekhilafan dan kelemahan dalam organisasi dan seharusnya dimanipulasikan dengan perbincangan bagi mencapai situasi yang kondusif dan menumpukan kepada peningkatan komitmen kerja secara kolektif.

Komitmen kerja yang dijana melalui amalan syura dalam kepemimpinan organisasi mewujudkan prestasi pendidikan yang cemerlang di sekolah. Kajian Normala (2008) menyebut bahawa gaya kepemimpinan guru besar dan daya memberi pertimbangan serta mengutamakan amalan syura akan mempengaruhi komitmen kerja guru di sekolah. Seterusnya, memberi impak positif kepada pencapaian prestasi pendidikan yang cemerlang dan menjamin kejayaan sesebuah sekolah (Abdullah, 2002). Kepimpinan sekolah mempengaruhi pencapaian akademik murid dan pembentukan iklim sekolah yang kondusif. Antara faktor utama yang digariskan dalam keberkesanan kepemimpinan guru besar adalah aspek kemuafakatan antara guru besar, guru, dan *stakeholder* (Omardin, 2002). Jelasnya komitmen kerja terdorong daripada amalan syura dalam kepemimpinan guru besar yang dapat melahirkan individu muslim yang beriman dan beramal soleh (*al-Mulk 67:2; Fatir 35:10; al-Mu'minun 23:1-10*), istiqamah berlandaskan keimanan dan meningkatkan ketakwaan kepada Allah (*at-Talaq 65:2-3; Fusilat 41:32; al-Jin 72:16*).

Kepimpinan Islam menurut al-Quran amat menekankan prinsip syura yang dilakukan secara tuntas dalam menangani segala bentuk isu kepemimpinan di sekolah dengan mengekalkan hubungan baik serta peningkatan komitmen kerja guru. Jamali (2001) mendapati guru besar yang menggunakan pendekatan mengarah dan kuasa paksaan untuk mengawal sesuatu keadaan akan menghadapi masalah penentangan dalam kalangan guru sebagaimana dalam kajiannya yang mendapati guru besar lebih gemar menggunakan pendekatan mengarah berbanding perbincangan untuk mendapatkan kerjasama daripada para guru.

Kuasa paksaan mempunyai kesan negatif kepada berkurangnya komitmen kerja guru di sekolah serta memburukkan prestasi pendidikan murid (Abdul Ghani *et. al.*, 2008). Kajian Hoy dan Miskel (2005), mendapati bahawa pekerja yang proaktif dan mempunyai komitmen terhadap kerja dipengaruhi oleh kepimpinan demokratik yang menggalakkan suasana kerja berkumpulan, saling bermuafakat membuat keputusan, serta cekap menjalankan tanggungjawab dalam organisasi. Sementara Mohd Nor (2010) pula mendapati bahawa kecemerlangan kepimpinan guru besar berkait rapat dengan kerjasama ahli organisasi sekolah yang akan memberi impak kepada komitmen kerja guru di sekolah. Menurut Mohd Nor (2010) lagi, terdapat hubungan yang rapat antara peranan guru besar terhadap peningkatan kerja guru dalam memastikan sistem pentadbiran berjalan lancar serta bergandingan bahu menangani arus perubahan dalam sistem pendidikan yang memberi natijah kejayaan dan kecemerlangan di sekolah.

Al-Quran menegaskan bahawa seorang pemimpin hendaklah dalam kalangan orang beriman dan bertaqwa (*al-A'raf* 7:96), berilmu pengetahuan (*al-Mujadalah* 58:11), mampu mengatur strategi atau perancangan dengan rapi (*al-Hasyr* 59:18), memiliki kekuatan mental dalam melaksanakan kepimpinan yang mantap (*al-Baqarah* 2:147), selain mempunyai ketrampilan memimpin dengan penuh tanggungjawab dan sedia menerima kritikan (*ash-Shaaffat* 37:147). Menurut Abdullah (2002) bahawa kepimpinan guru besar merangkumi kebijaksanaannya mengendalikan organisasi agar berganding bahu dan turut serta dalam aktiviti di sekolah dengan sifat ketaqwaan, berkepimpinan tinggi serta mendorong dan memberi pengajaran untuk menghasilkan organisasi pendidikan yang cemerlang dan berdaya saing. Menurut Imam al-Ghazali (1960), bahawa ilmu, akal, dan mantik (logik) menjadi perkara utama dalam melengkapkan diri sebagai pemimpin yang tidak membuat keputusan secara terburu-buru, bersifat mementingkan diri, menuruti hawa nafsu, mendustai ahli organisasi serta menafikan suara ramai dalam mesyuarat.

1.3 Pernyataan Masalah

Amalan syura merupakan satu prinsip kepimpinan Islam dalam menentukan keputusan bagi sesuatu isu yang berlaku dalam sesebuah organisasi di samping asas mewujudkan peningkatan komitmen kerja. Perbincangan, keterbukaan, saling bertukar pandangan atau perundingan yang dilakukan akan merungkai permasalahan dan kekusutan yang berlaku serta meningkatkan daya saing dalam organisasi (Asad, 2011; Mohd Yusuf, 2003). Maka setiap tindakan dalam menetapkan objektif, tujuan pelaksanaan, perubahan dasar, dan perkara berkaitan pentadbiran dan pengurusan organisasi seharusnya dibuat melalui amalan syura. Tanpa amalan syura ketetapan yang diambil akan dianggap tidak sah kerana ianya merupakan pendapat peribadi dan bukan keputusan ahli organisasi (Fu'ad, 2006).

Kajian syura oleh pengkaji lalu mendapati bahawa akan wujud penurunan komitmen kerja organisasi sekiranya kepimpinan tidak mengamalkan syura. Sebagaimana Lokman dan Mohd Anuar (2011), menegaskan kebanyakan pemimpin dalam organisasi tidak mengambil kira pandangan kakitangan mereka sama ada ketika membuat keputusan penting, merancang hala tuju dan matlamat organisasi, serta ketika mengadakan sesi pembelajaran dan latihan. Sebaliknya, peluang untuk menyuarakan pandangan dan idea tidak diendahkan sehingga ahli organisasi berasa diketepikan, mereka bersikap defensif, mengelak diberi tanggungjawab, dan inisiatif komitmen kerja mereka menurun (Peter Senge, 1990). Ahli organisasi sekolah perlu diberikan ruang dan peluang mengemukakan pandangan dan pendapat dalam urusan pentadbiran sekolah bagi menghasilkan keputusan yang disepakati supaya dapat diterima semaksimumnya oleh semua guru. Natijah persefahaman dan kesatuan pendapat pastinya meningkatkan komitmen kerja guru secara kolektif dan progresif seterusnya mengorak kejayaan yang cemerlang dalam bidang pendidikan.

. Berteraskan kepada latar belakang masalah kajian, sewajarnya kepimpinan guru besar mendukung amalan syura sebagai pendekatan komunikasi dua hala dalam organisasi yang mendorong serta menterjemahkan pembentukan

jati diri ahli organisasi bagi membina suasana pendidikan yang berupaya mencapai kegemilangan dan kecemerlangan. Ketiadaan kerangka asas syura juga menjadi titik tolak kepada kajian ini dijalankan. Kepimpinan guru besar didapati sering membelakangkan budaya kerja yang menitik beratkan amalan syura di sekolah. Oleh yang demikian, hal ini memerlukan anjakan dan nilai tambah dari aspek pemahaman, penghayatan, dan pelaksanaan dalam kalangan guru besar yang menjurus kepada kewibawaan mereka selaku pemimpin dalam organisasi bagi menghindari perselisihan pendapat yang akan membantutkan pembangunan pendidikan dan suasana persekitaran sekolah yang kondusif. Seterusnya, kepimpinan yang membelakangi amalan syura dilihat akan menimbulkan permasalahan dalam organisasi seperti ketidakpuasan hati, perselisihan faham, dan seterusnya menghalang peningkatan komitmen kerja guru dan kecemerlangan pendidikan di sekolah.

Syura adalah amalan utama dalam meningkatkan komitmen kerja namun, kajian lalu menunjukkan bahawa amalan syura diketepikan oleh kepimpinan organisasi sebagai mengislah sunnah Rasulullah SAW dan mempraktikkan kepimpinan Islam sehingga menjejaskan komitmen kerja guru. Berdasarkan pernyataan yang disebutkan, kajian ini dilakukan bertujuan untuk meninjau bagaimana amalan syura dilaksanakan dalam kalangan guru besar serta hubungannya terhadap komitmen kerja guru di samping menggariskan penentu utama komitmen kerja berasaskan elemen amalan syura. Kajian ini juga akan menghasilkan kerangka asas syura sebagai penyumbang kepada transformasi kepimpinan guru besar di sekolah.

1.4 Objektif Penyelidikan

Penyelidikan ini dilakukan bertujuan untuk:

- 1.4.1 Mengkaji elemen syura yang dilaksanakan dalam kepimpinan guru besar di Sekolah Agama Daerah Johor Bahru.

- 1.4.2 Mengenal pasti elemen komitmen kerja guru di Sekolah Agama Daerah Johor Bahru.
- 1.4.3 Meninjau sama ada terdapat hubungan antara elemen amalan syura dalam kepimpinan guru besar dengan komitmen kerja guru.
- 1.4.4 Menganalisis sama ada elemen-elemen amalan syura menjadi peramal terhadap komitmen kerja guru.
- 1.4.5 Menghasilkan kerangka asas syura dalam kepimpinan guru besar.

1.5 Persoalan Kajian

Penyelidikan ini dijalankan bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan berikut:

- 1.5.1 Apakah elemen amalan syura dilaksanakan dalam kepimpinan guru besar di Sekolah Agama Daerah Johor Bahru?
- 1.5.2 Apakah elemen komitmen kerja guru di Sekolah Agama Daerah Johor Bahru?
- 1.5.3 Adakah terdapat hubungan antara elemen amalan syura dalam kepimpinan guru besar dengan komitmen kerja guru?
- 1.5.4 Apakah elemen syura yang menjadi peramal dalam kepimpinan guru besar terhadap komitmen kerja guru?

1.6 Hipotesis

Hipotesis yang baik mempunyai kejelasan dari aspek pemboleh ubah yang terlibat dan kebolegunaan ramalan yang digariskan daripada hipotesis tersebut (Mokhtar, 2011). Secara khususnya, penyelidikan ini boleh menjawab beberapa soalan utama seperti di atas. Sementara itu, hipotesis kajian telah dibentuk bagi menjawab persoalan kajian tiga dan empat. Norazlen (2011), dalam kajiannya telah memilih hanya pada item persoalan kajian tertentu sahaja untuk dibuat hipotesis yang dapat dimanipulasikan dalam analisis kajian tersebut.

H₀₁ dibina untuk menjawab soalan kajian tiga iaitu:

H₀₁ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen amalan syura (keterbukaan, kesepakatan, kepercayaan, nasihat, dan amanah) dalam kepemimpinan guru besar dengan komitmen kerja guru

Hipotesis H₀₁ diperincikan seperti berikut:

H₀₁₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keterbukaan dalam kepemimpinan guru besar dengan komitmen kerja guru.

H₀₁₂: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesepakatan dalam kepemimpinan guru besar dengan komitmen kerja guru.

H₀₁₃: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepercayaan dalam kepemimpinan guru besar dengan komitmen kerja guru.

H₀₁₄: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nasihat dalam kepemimpinan guru besar dengan komitmen kerja guru.

H₀₁₅: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amanah dalam kepemimpinan guru besar dengan komitmen kerja guru.

Manakala H₀₂ dibina bagi menjawab soalan kajian empat iaitu :

H₀₂: Tidak terdapat elemen (keterbukaan, kesepakatan, kepercayaan, nasihat, dan amanah) amalan syura yang menjadi peramal dalam kepemimpinan guru besar dengan komitmen kerja guru.

Hipotesis H₀₂ diperincikan seperti yang berikut:

H₀₂₁: Tidak terdapat elemen keterbukaan amalan syura yang menjadi peramal dalam kepemimpinan guru besar terhadap komitmen kerja guru.

H₀₂₂: Tidak terdapat elemen kesepakatan amalan syura yang menjadi peramal dalam kepemimpinan guru besar terhadap komitmen kerja guru.

H₀₂₃: Tidak terdapat elemen kepercayaan amalan syura yang menjadi peramal dalam kepemimpinan guru besar terhadap komitmen kerja guru.

H₀₂₄: Tidak terdapat elemen nasihat amalan syura yang menjadi peramal dalam kepemimpinan guru besar terhadap komitmen kerja guru.

H₀₂₅: Tidak terdapat elemen amanah amalan syura yang menjadi peramal dalam kepemimpinan guru besar terhadap komitmen kerja guru.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini memperlihatkan kepentingannya yang boleh dimanfaatkan bukan sahaja kepada pengkaji, tetapi juga kepada guru-guru sekolah agama daerah Johor Bahru, guru-besar, Jabatan Pendidikan Islam Johor (Bahagian Pendidikan), Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dan seterusnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Amalan syura dalam kepimpinan guru besar dapat mempertingkatkan pembinaan jati diri dalam organisasi dan membentuk komitmen kerja maka amat penting bagi seorang guru melestarikan kepimpinan berasaskan amalan syura sama ada berkolaborasi atau berinteraksi antara ahli organisasi sekolah. Tatacara interaksi ini mengikut prosedur yang tersusun serta membina persefahaman dalam menjalankan sesuatu aktiviti atau program. Di samping mengekalkan komitmen kerja yang mendorong pencapaian prestasi cemerlang dalam pendidikan murid mengikut misi dan matlamat yang dijanakan.

Hasil kajian ini menjadi rujukan kepada kepimpinan guru besar dalam melaksanakan kepimpinan syura yang didapati lebih dinamik. Maklumat yang diperolehi dari kajian ini juga akan membantu mereka membuat penilaian semula kepimpinan yang dilaksanakan. Analisis akan berkisar sama ada kepimpinan syura mampu meningkatkan komitmen kerja guru sebagai usaha membina kecemerlangan pendidikan di sekolah berpandukan kerangka asas syura sebagai menteladani kepimpinan syumul baginda Rasulullah SAW yang membawa kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Kajian ini penting kepada para pendidik di Sekolah Agama Daerah Johor Bahru untuk meningkatkan pemahaman serta mengamalkan amalan syura dalam bidang pendidikan sebagai pemangkin kepada peningkatan motivasi dan daya saing terhadap komitmen kerja yang konsisten dan istiqamah. Selain itu hasil kajian akan dijadikan sebagai sandaran dan pegangan guru dalam memastikan kecemerlangan dan kejayaan murid di tahap membanggakan. Kesatuan usaha dan toleransi yang diterjemahkan melalui syura, selain mendokong kepimpinan Islam yang ditunjukkan oleh kepimpinan Rasulullah SAW.

Sementara itu, analisis kajian yang diperolehi juga akan dapat menggambarkan keadaan sebenar pelaksanaan amalan syura dalam memacu kejayaan organisasi pendidikan di Bahagian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Islam Johor (JPIJ). Bagi melengkapkan dan menyempurnakan misi dan visi pendidikan sekolah agama, peranan JPIJ juga diperlukan untuk mendedahkan corak kepimpinan yang mendorong ke arah peningkatan komitmen kerja guru serta memberi peluang dan ruang menjalankan tanggungjawab secara kolektif. Diharap hasil kajian ini memberi pendedahan kepada Bahagian Pendidikan, JPIJ tentang pentingnya amalan syura dalam kepimpinan pendidikan dan memastikan kecenderungan guru besar mencipta kecemerlangan di sekolah agama bersama ahli organisasi.

Selain itu, kajian ini amat penting bagi pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) memantau corak kepimpinan guru besar yang mengamalkan syura iaitu bersifat universal, relevan diguna pakai dan berupaya meningkatkan komitmen kerja serta kecemerlangan akademik murid. Kerangka asas syura diharap menjadi panduan dan penanda aras utama serta pegangan dalam membudayakan kepimpinan dan pentadbiran sekolah berteraskan Islam. Seterusnya kepimpinan syura memberi keyakinan dijadikan modul pilihan dalam menyediakan seminar dan kursus kepengetuaan yang berfokus kepada kepimpinan Islam. Hasil kajian juga diharapkan akan diguna pakai dan menjadi asas pedoman kepada perancangan program latihan keguruan atau yang berkaitan dengan institusi pendidikan lain di seluruh Negeri Johor.


Sementara itu pengkaji berharap hasil kajian dimanfaatkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memastikan corak kepimpinan pendidikan menggunakan pendekatan yang konsisten melalui amalan syura dalam pentadbiran di sekolah. Islam menganjurkan amalan syura bagi meninggikan keupayaan pemimpin berperibadi dan berakhlak mulia. Usaha memartabatkan kepimpinan Islam mendorong natijah dan manfaat yang besar kepada pencapaian pendidikan yang cemerlang dan gemilang. Ini terhasil dengan adanya komitmen kerja guru yang dilestarikan bersama ahli organisasi dan dorongan kepimpinan guru besar yang dinamik.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Pengkaji membataskan fokus kajian hanya berkaitan pelaksanaan amalan syura dalam kepimpinan guru besar yang memberi kesan terhadap komitmen kerja guru di sekolah agama daerah Johor Bahru. Manakala pemilihan responden hanya dibatasi dalam kalangan guru di sekolah bergred A iaitu sebanyak 23 buah sekolah di daerah Johor Bahru yang melibatkan populasi kajian seramai 550 orang sahaja. Sekolah Gred A bermaksud sekolah yang mempunyai murid seramai 1000 orang dan ke atas serta dinaungi oleh guru besar yang mempunyai jawatan gred DG32 atau DG34. Kajian ini hanya menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengumpulkan data iaitu melalui instrumen soal selidik sahaja. Sementara analisis dapatan kajian dilakukan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) 0.22 untuk mendapatkan nilai kekerapan, sisihan piawai, korelasi dan regresi berganda terhadap pemboleh ubah amalan syura (tidak bersandar) dan pemboleh ubah komitmen kerja (bersandar).

1.9 Kerangka Teori

Kerangka teoritikal menentukan persoalan kajian yang hendak dilakukan sebagai panduan bagi menentukan orientasi atau landasan penyelidikan yang akan dilakukan. Oleh itu, kerangka teoritikal kajian ini dibentuk berdasarkan kepada Teori Perubahan Sosial Ibnu Khaldun (1960) dan Teori Meyer dan Allen (2001) seperti di dalam Rajah 1.1:



Rajah 1.1: **Teori Perubahan Sosial Ibn Khaldun, (1960) dan Teori Meyer dan Allen (2001).**

Pengkaji mengadaptasi teori perubahan sosial Ibn Khaldun (1960) berkaitan keperluan masyarakat terhadap kepemimpinan syura dengan teori Meyer dan Allen (2001) dimensi komitmen kerja yang menjadi kerangka teori kajian ini. Ibn Khaldun (1960) melalui Teori Perubahan Sosial memberi penegasan bahawa masyarakat adalah manusia yang saling membina antara satu sama lain, mengembangkan potensinya bagi perubahan dan mengikut peredaran masa serta menyelaraskannya dengan nilai ajaran Islam dalam hal kemasyarakatan. Ianya dilakukan seiring dengan perancangan pembangunan yang rapi dan tersusun kerana manusia merupakan individu yang mempunyai potensi dan keterbatasan. Perubahan sosial merangkumi keberkesanan kepemimpinan sebagai tunggak utama penggerak perubahan tersebut. Kepimpinan organisasi memainkan peranan utama dalam mengukuhkan pembinaan komuniti yang dipimpinnya menuju kecemerlangan dalam organisasi. Seterusnya, Ibn Khaldun (1960) menegaskan bahawa perkara asas dalam pembentukan masyarakat hanya bermula melalui proses pemantapan ilmu oleh perkembangan minda individu. Ilmu yang diperolehi

dan dimantapkan dengan nilai-nilai keagamaan (*ad-din*) untuk pembangunan sendiri dan jati diri masyarakat khususnya dalam melahirkan insan atau masyarakat yang menjiwai Islam semaksimalnya berasaskan al-Quran dan sunah, beretika dalam kehidupan, dan sentiasa menyokong dalam hal *amar makruf* antara satu sama lain (*al-A'raf* 7:157; *Luqman* 31:17). Dalam konteks perubahan dan perkembangan potensi individu, kepimpinan pentadbiran dalam sesebuah organisasi perlu merancang dan menerima perkongsian maklumat, percambahan minda, teguran atau pandangan organisasi yang berteraskan kepada petunjuk agama yang bersesuaian dengan fitrah lahiriah insan sebagai meningkatkan keimanan dan tambah nilai ibadah kepada Allah SWT (*Saba'* 34:46). Maka, pengkaji menggunakan teori Perubahan Sosial, Ibn Khaldun (1960) untuk memberi penekanan kepada pentingnya ahli organisasi membina hubungan dan kesefahaman dalam memainkan peranan dan mencapai kecemerlangan kepimpinan di institusi pendidikan seterusnya memastikan peningkatan komitmen kerja dan prestasi pendidikan yang cemerlang.

Sementara itu, teori komitmen Meyer dan Allen (2001) yang merangkumi tiga dimensi iaitu komitmen identifikasi (afektif), berterusan (penglibatan), dan normatif (kesetiaan) menjadi panduan dalam kajian ini. Menurut Meyer dan Allen (2001) bahawa komitmen identifikasi (afektif) adalah penyatuan kesefahaman dalam organisasi yang mewujudkan hubungan yang akrab dan mencambahkan perasaan ingin terus kekal dalam organisasi berasaskan elemen kepercayaan, disiplin, keyakinan, dan hubungan organisasi. Dimensi berterusan (penglibatan) pula memberi penjelasan bahawa ahli mempunyai keinginan untuk tetap bersama di dalam satu organisasi dek kerana nalurinya mengatakan tanggungjawabnya di sekolah suatu yang menguntungkan berbanding pekerjaan yang lain. Antara elemen komitmen berterusan adalah tanggungjawab, kerjasama, keterlibatan, dan keadilan. Seterusnya dimensi ketiga menurut Meyer dan Allen (2001) adalah normatif (kesetiaan) yang menunjukkan bahawa obligasi ahli organisasi untuk kekal dalam kumpulan tersebut adalah tinggi, ianya meliputi elemen kompetensi, kesetiaan, tanggungjawab, penyatuan dan amanah. Jelasnya, kajian Meyer dan Allen (2001) menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara komitmen dengan kepimpinan sekolah yang dikendalikan oleh guru besar. Kepimpinan memberi implikasi kepada peningkatan komitmen kerja guru serta

mendorong mereka mengekalkan kesetiaan terhadap sekolah. Ahli organisasi dapat mempamerkan komitmen kerja yang tinggi sebagai satu obligasi serta menanamkan semangat berdaya saing secara konsisten yang didapati daripada elemen tiga dimensi komitmen kerja yang dinyatakan menurut Meyer dan Allen (2001). Berteraskan teori komitmen Meyer dan Allen (2001) maka pengkaji membina kerangka teori kajian ini sebagai rujukan elemen tanggungjawab, kerjasama, disiplin, kompetensi, hubungan organisasi yang merangkumi komitmen kerja guru dan memaparkan keberkesanan pelaksanaan amalan syura terhadap peningkatan kerja guru di sekolah sebagaimana rajah 1.2:.

| Dimensi Komitmen Meyer & Allen (2001) | Indikator | Elemen Dimensi Komitmen |
|---------------------------------------|---|--|
| Identifikasi (Afektif) | Pekerja mengenal pasti matlamat dalam organisasi dan mengekalkan minat dan komitmen terhadap kerjaya | Kepercayaan, Keyakinan, Hubungan Organisasi, Disiplin |
| Berterusan (Penglibatan) | Pekerja komited terhadap kerjaya kerana merasa kerugian sekiranya kehilangan rakan sejawat atau jawatan yang disandang serta tidak yakin dengan kerjaya lain. | Tanggungjawab, Kerjasama, Keadilan, Penglibatan, <i>Kalam Jamaie</i> . |
| Normatif (Kesetiaan) | Obligasi ahli organisasi untuk gigih bekerja dan terus kekal bersama secara proaktif sebagai tanda setia dalam pasukan. | Kerjasama, Berpasukan, Kompetensi, Kesetiaan, Penyatuan, Amanah |


Rajah 1.2: Elemen Tiga Dimensi Komitmen Meyer & Allen (2001)

Islam tidak membezakan antara keperluan ilmu dunia dan akhirat bahkan anjuran menguasai kedua-dua bidang ilmu mencakupi duniawi dan ukhrowi dituntut kefarduannya sesuai dengan peringatan Allah SWT agar memanfaatkan kesemua kejadian alam sebagai *ibrah* (*Yusuf 10:101; al-Jasiyah 45:13*). Prinsip syura yang dianjurkan Islam akan mewujudkan kesepakatan serta meningkatkan komitmen kerja, juga dapat mengecapi kejayaan di dunia dan akhirat. Organisasi yang ditadbir oleh kepimpinan syura mengutamakan keterbukaan, kesepakatan, kepercayaan, nasihat, dan amanah dalam mengatur, merancang penetapan prosedur kerja, memenuhi keperluan sosial, selain membangunkan struktur

organisasi selaras meningkatkan komitmen kerja yang kompeten. Jaminan syurga disebut oleh baginda Rasulullah SAW kepada para sahabat dalam melaksanakan segala perintah Allah SWT di samping menjaga segala persoalan hubungan baik sesama manusia dalam kehidupan seharian (Muslim:2001;15).

1.9.1 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian dibina berasaskan Teori Perubahan Sosial (Ibn Khaldun, 1960) dan Teori Komitmen Kerja Meyer dan Allen (2001) serta rujukan literasi daripada al-Quran dan sunah tentang kepimpinan, sirah nabawiyah dan Ibnu Taimiyyah (1971). Kerangka konseptual kajian ini juga menggariskan elemen amalan syura (keterbukaan, kesepakatan, kepercayaan, nasihat, dan amanah) dan elemen komitmen kerja (tanggungjawab, kerjasama, disiplin, kompetensi, dan hubungan organisasi) seperti rajah 1.3 berikut:



Rajah 1.3: Kerangka Konseptual Penyelidikan

Kerangka konseptual penyelidikan yang merujuk kepada rajah 1.3 di atas terbahagi kepada dua komponen utama iaitu bagi amalan syura dan peningkatan komitmen kerja guru. Kerangka asas syura diambil berasaskan ayat al-Quran dan sunah tentang kepimpinan, sirah nabawiyyah, Ibnu Taimiyyah (1992), dan teori perubahan sosial Ibn Khaldun (1960) iaitu manusia memerlukan kepimpinan syura dalam organisasi. Ibnu Taimiyyah (1992) pula menekankan kualiti kepimpinan syura yang menteladani sunnah Rasulullah SAW sebagai pemimpin yang mempamerkan kehebatan Islam dalam sejarah kehidupan manusia menjadi prasyarat mengangkat darjat sesebuah organisasi yang cemerlang berasaskan elemen keterbukaan, kesepakatan, kepercayaan, nasihat, dan amanah. Elemen ini merujuk kepada pandangan secara teoritikil yang dirangkumkan dalam kerangka teori mendominasi dan menjadi elemen penting amalan syura. Oleh itu pemilihan seorang pemimpin haruslah ditelusuri tentang akhlak, sahsiah dan akal fikirannya yang menuju kepada keredaan Allah SWT. Rasulullah SAW sebagai pemimpin umat Islam terunggul memegang prinsip syariat Islam dalam ertikata memastikan etika kepimpinan syura berlandaskan kepada ajaran yang termaktub di dalam al-Quran dan sunah (*al-Ma'idah 5:45-47*).

Terbina elemen syura keterbukaan, kesepakatan, kepercayaan, nasihat, dan amanah diadaptasi dari Ibn Taimiyah (1992) yang menyebut perkara yang sama menurut Ibn Khaldun (2001) yang mendominasi syura. Kesemua elemen amalan syura ini menjadi pemangkin peningkatan komitmen kerja guru yang perlu dijanakan dalam kepimpinan guru besar. Melalui syura, ahli organisasi bebas mendampingi dirinya terhadap pemimpin serta membuka ruang mengemukakan cadangan dan pandangan yang perlu sama ada berbentuk peringatan, maklumat atau teguran yang dapat menambah kepercayaan yang tinggi dalam kalangan ahli organisasi. Amalan syura yang dinyatakan dalam kerangka konseptual penyelidikan adalah merujuk kepada lima elemen utama seperti berikut :

a. Keterbukaan

Dalam amalan syura terkandung elemen keterbukaan yang menyediakan ruang untuk ahli organisasi mengembangkan potensi diri dalam kehidupan dan kerjaya kerana pembangunan insan yang berteraskan tuntutan al-Quran menekankan konsep kepimpinan yang mementingkan manusia. Keterbukaan adalah suatu penghargaan umum yang ditunjukkan oleh seseorang individu terhadap emosi, kepelbagaian idea, perasaan ingin cakna, serta perkongsian pengalaman lain dalam sesebuah organisasi. Amalan syura mendorong organisasi berbicara dengan cara yang baik (*al-Hijr 15:88*; al-Tarmidhi 1994: 1907, 1932, 2450; Ahmad 1994: 1268, 6326, 10108) tenang dan sopan (*al-Fath 48:4*; *al-Furqan 25: 63*; al-Bukhari 1987:600; Muslim 1972:947) yang meningkatkan kemesraan dan keakraban dalam organisasi.

b. Kesepakatan

Konflik antara ahli organisasi dalam kepimpinan yang berlaku dapat diatasi dengan mengamalkan konsep syura bagi memastikan kesepakatan organisasi terbentuk dengan jayanya. Islam adalah agama untuk kesejagatan ummah (keseluruhan ummah) (*al-Maidah 5:8*) saling bertolong-tolongan dan menunaikan keperluan dan hajat (Muslim 1972: 4867) selain anugerah yang diberikan kepada umat manusia dan membuktikan bahawa Allah SWT bersifat Maha Kaya (الغنى) lagi Maha Terpuji (الحميد) (*al-Hajj 22:64*).

c. Kepercayaan

Semangat saling mempercayai akan mencetuskan sebuah ikatan persefahaman yang kukuh dan membina medan kerjasama secara sukarela dalam kalangan ahli organisasi seterusnya mencapai peningkatan komitmen kerja guru yang membawa kecemerlangan pendidikan di sekolah.

Kecemerlangan dalam kejuruan amat berkait rapat dengan ajaran Islam sebagai pegangan utama yang mementingkan kecemerlangan dalam profesionalisme yang diceburi dan menuju kepada kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Ahmad 1994:3600,4836,4873; Muslim 2001: 4816; Ibnu Majah t.th:76,4185).

Organisasi perlu saling mempercayai antara sesama ahli bagi memastikan konsep syura dihayati dengan jelas dan mengelakkan organisasi di bawah dorongan hasutan syaitan yang sentiasa memecah belahkan manusia sekalian alam. (*al-Isra'17: 221-222*). Penghayatan kerjaya sebagai ibadah umum akan membentuk tingkah laku dan sikap yang mulia dan terpuji serta sentiasa *'amal ma'ruf nahi munkar* (*al-Mu;minun 23:115*), bersifat tawaduk (Muslim: 1972: 5109), menjaga nafsu dan diri di atas kebenaran dan menjauhi sifat yang terkeji (*al-Najm: 53:32; al-Hujerat 49:11, 13*).

d. Nasihat

Syura berfungsi sebagai penasihat bagi setiap keputusan yang dibuat oleh seorang pemimpin dalam organisasi malah sebagai medan mengatur strategi dalam pengkhususan kerja di sekolah. Selaras tuntutan agama yang mengkehendaki umatnya saling nasihat menasihati ke arah kebaikan di dunia dan di akhirat (*al- 'Ashr 103:3; al-A'raf 7: 162*) bersikap tawaduk (Muslim 1972: 4689) bagi mencapai darjat ketinggian iman di sisi Allah SWT (*al-Anfaal 8:4*). Selain dalam surah *al-Zariyat 51:55* yang bermaksud: “*Dan berilah peringatan kerana sesungguhnya peringatan itu memberi manfaat kepada orang-orang yang beriman*”.

e. Amanah

Sifat amanah dalam melaksanakan tanggungjawab yang disertai amalan syura mewujudkan penghayatan kepimpinan Islam sebagai sebahagian daripada ibadah kepada Allah SWT dengan sifat zuhud dan

suci daripada pekerjaan yang dimurkai (*Yusuf 12:20*; Ibn Majah 1975; 4092) selain sentiasa bermuraqabah terhadap Allah SWT (*al-'Alaq 96:14*). Pemimpin yang bersifat amanah menunjukkan kesempurnaan iman dengan melaksanakan ikrar dan janji kepada pengikutnya serta menteladani kepimpinan Rasulullah SAW (Riwayat Ahmad 1994: 1649).

Mengamalkan syura dalam kepimpinan melalui elemen keterbukaan, kesepakatan, kepercayaan, nasihat dan amanah akan melibatkan semua ahli organisasi dalam proses membuat keputusan. Hal ini mewujudkan motivasi yang tinggi kepada organisasi dalam menjalankan tugas mereka kerana mereka merasakan bahawa mereka menjadi sebahagian daripada organisasi. Seruan meningkatkan penyatuan hati dan menghindari kesombongan (*al-Anfaal 8: 45*) serta memupuk semangat berpasukan dan membina iklim organisasi kondusif sebagai peningkatan komitmen kerja guru.

Komitmen kerja guru yang dibincangkan pada kerangka konseptual penyelidikan merujuk kepada elemen komitmen kerja guru iaitu: tanggungjawab, kerjasama, kompetensi, disiplin, dan hubungan organisasi sepertimana berikut:

a. Tanggungjawab

Tanggungjawab pemimpin adalah menghubungkan pengikut atau ahli organisasi menuju ke jalan kebaikan yang dibina dari etika, nilai murni, sikap, dan perilaku sebagai menyumbang kesatuan pengibadatan kepada Allah SWT dengan kesungguhan (*al-Muzammil 73:1-5,20*) dan menambah baik hubungan sesama manusia. (*al-Anfaal 8: 45*). Pemimpin yang bertanggungjawab tidak mementingkan diri sendiri malah memberikan tumpuan kepada perkembangan dan pembangunan modal insan pengikut berasaskan nilai keadilan dan *ihsan* (*al Nahl 16:90*; *al-A'raf 7:5*) dan amanah (*al-Nisa 4:58-59*).

b. Kerjasama

Amalan bekerjasama antara ahli organisasi menjadi elemen penting dalam menentukan halatuju dan kejayaan sesebuah organisasi selain ianya melambangkan kesepaduan ummah yang menteladani sunnah Rasulullah SAW (Muslim 2001: 2248). Nilai-nilai Islam yang dapat dijadikan landasan dalam aspek bidang pekerjaan adalah yang benar-benar dihayati bagi menghubungkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT seperti suci hati, ikhlas, dedikasi bekerjasama, syukur, dan ketepatan (*punctuality*) masa.

c. Disiplin

Selain menjaga masa, mengutamakan kepentingan urusan kerjaya yang diamanahkan disiplin dalam penuturan juga menjadi nilai kemuliaan umat dan saling menghormati perbicaraan orang lain (*al-Hijr 15:88; al-Imran 3:159; al-Bukhari 1994:599, 600,602; Muslim 2001:2248*) selain melaksanakan tuntutan Islam iaitu mengekalkan kepimpinan berteraskan panduan al-Quran dan sunah iaitu berpegang teguh terhadap kebenaran dan menentang keburukan demi menegakkan kemuliaan agama Islam (*al-Mu'minin 23:70-71; Sad 38:24*).

d. Kompetensi

Seruan melakukan segala urusan secara berkumpulan telah disebut di dalam hadith yang menjelaskan keutamaan persaudaraan antara sesama muslim agar saling bantu membantu serta menghindari sikap mementingkan diri sendiri yang pastinya menghasilkan kebaikan dunia dan akhirat (al-Bukhari 1994: 1658). Kompetensi menambahkan kekuatan dan penyatu paduan dalam organisasi bagi mewujudkan ikatan persaudaraan yang kukuh sebagai benteng berlakunya perpecahan terutama dalam kepimpinan pendidikan. Keluhuran usaha meningkatkan keperibadian mulia dalam menterjemahkan kepimpinan Islam yang *syumul* memerlukan kita sentiasa melaksanakan kebaikan (*al-Baqarah*

2:148) di samping mempertingkatkan integriti dan akauntibiliti diri (*al-Maidah 5:39*).

e. Hubungan Organisasi

Mengambil iktibar dalam memahami al-Quran, bahawa hak Allah wajib dilaksanakan serta hak sesama manusia tidak boleh diabaikan (*Yunus 10:101; ali Imran 4:190; al-Zumar 39:23*). Saidina Umar r.a menyebut dalam khutbah beliau dengan peringatan yang tegas bahawa hendaklah umat Islam mengekalkan jemaah dan mengelakkan perpecahan kerana kecenderungan bisikan syaitan apabila manusia melakukan tanggung jawab secara berseorangan (at-Tarmizi 1994:2166). Peningkatan komitmen kerja dalam organisasi dijanakan melalui keharmonian dan kesepakatan ahlinya yang akan menyumbang kepada kepimpinan yang cemerlang dan diredai Allah SWT (al-Mawardi, 1996).

Kerangka konseptual penyelidikan turut menjelaskan faktor peningkatan kerja guru yang dijanakan melalui amalan syura yang membentuk kepimpinan Islam yang syumul.

1.10 Definisi Operasional

Berikut adalah definisi istilah bagi menerangkan maksud yang lebih tepat menurut kajian yang dilakukan seperti yang dinyatakan oleh penyelidik.

1.10.1 Amalan Syura

Amalan syura merupakan satu konsep permusyawarahan dalam menentukan sesuatu keputusan bagi sebuah organisasi yang menjadi faktor utama kejayaan kepimpinan di sekolah. Menurut al Qurtubi (1989) bahawa amalan syura menetapkan keutamaan mesyuarat atau perbincangan antara ahli organisasi yang

bertujuan untuk menentukan sesuatu keputusan dalam menyelesaikan isu atau permasalahan yang berlaku. Manakala Suhana *et. al.*, (2015) dan Ahmad Muhyuddin, (2010) mendapati amalan syura mewujudkan natijah positif termasuk sikap kerjasama, saling muafakat, keterlibatan, mewujudkan keadilan dan membina kepercayaan yang tinggi dalam kalangan ahli organisasi bagi meningkatkan produktiviti yang direncanakan. Hal ini disokong oleh al Banna, (2006) bahawa syura memberi impak besar dan positif terhadap kejayaan (*al-falah*) organisasi selain meningkatkan komitmen kerja serta mencapai matlamat berasaskan penyatuan kata sepakat seperti yang dianjurkan di dalam al-Quran dan sunah. (al Banna, 2006). Dalam kajian ini amalan syura membawa maksud perbincangan atau permusyawarahan yang dilakukan antara guru besar bersama organisasi sekolah sama ada yang dilakukan secara formal atau tidak formal. Amalan syura didorong oleh elemen keterbukaan, kesepakatan, kepercayaan, amanah dan nasihat sebagai peningkatan komitmen kerja guru yang kompeten.

1.10.2 Guru Besar

Guru Besar bermaksud orang yang mengetuai suatu jawatan dalam organisasi sekolah juga merupakan ketua eksekutif dan pemimpin sekolah bagi menjalankan tugas mengurus, memimpin dan mentadbir sekolah (Ahmad Marzuki, 2013). Dalam kajian ini, guru besar merujuk kepada semua guru besar sekolah gred A yang berkhidmat di sekolah agama daerah Johor Bahru mengikut kehendak perbincangan bersama pegawai Pejabat Pendidikan Islam Daerah Johor Bahru.

1.10.3 Komitmen Kerja

Komitmen kerja menjurus kepada seseorang individu atau guru dalam mencapai matlamat sekolah, kesediaan dan beriltizam dalam menjalankan tugasannya, serta kesediaan mengekalkan keanggotaannya dalam sekolah tersebut (Normala, 2008). Sementara Lokman *et. al.*, (2011), merumuskan bahawa organisasi yang komitmen terhadap sekolah menjadi faktor utama bagi

merealisasikan aspirasi dan peningkatan prestasi pendidikan. Selaras penegasan Norazah dan Norbayah (2015) bahawa komitmen kerja membawa kesan besar kepada prestasi kejayaan sesebuah organisasi melalui penghargaan, kebajikan, menyediakan latihan, dan galakkan organisasi. Alexeeff (2001) pula menyokong bahawa komitmen kerja suatu proses persetujuan, penerimaan antara pekerja, kesepakatan organisasi, keselarasan norma dan nilai hubungan organisasi dengan pekerja. Bagi kajian ini, komitmen kerja guru adalah sikap berdaya maju dan kesungguhan terhadap pekerjaan yang merujuk kepada tanggungjawab, kerjasama, disiplin, kompetensi, dan hubungan ahli organisasi (Suhana *et. al.*, 2015) bagi memastikan prestasi pendidikan di sekolah berada pada tahap cemerlang yang dilakukan bersama kepimpinan guru besar.

1.10.4 Sekolah Agama Kerajaan Johor

Sekolah Agama Kerajaan Johor merupakan sekolah pendidikan Islam yang ditadbir terus oleh Kerajaan Negeri Johor melalui Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor. Sekolah Agama Kerajaan Johor diwujudkan atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Almarhum Sultan Abu Bakar untuk memberi pendidikan agama kepada kanak-kanak Islam di negeri Johor (M. Som, 2013). Penyampaian pengajaran menggunakan perantaraan bahasa Melayu dan sepenuhnya bertulisan Jawi sebagai medium penulisan bagi memastikan kanak-kanak Islam di Johor khususnya mendapat pendidikan agama yang teratur dan sempurna (Mohd Hairudin *et.al*, 2011). Sementara sekolah agama dalam kajian ini memberi pengkhususan kepada sekolah agama di daerah Johor Bahru yang bergred A sebanyak 23 buah sekolah sahaja sebagaimana yang dicadangkan oleh pegawai Pejabat Pendidikan Islam Daerah Johor Bahru.

1.10 Kesimpulan

Bab ini secara keseluruhannya membincangkan tentang perkara-perkara yang perlu dikaji berdasarkan tajuk kajian. Pengkaji mengumpulkan semua data dan maklumat berkaitan pengenalan, latarbelakang masalah, pernyataan masalah, kerangka kajian dan menterjemahkan istilah yang terdapat dalam penyelidikan sebagai pelengkap dalam bab satu yang memandu pengkaji meneruskan dalam bab seterusnya.

RUJUKAN

- Al-Quran (1993). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juzuk*. Pusat Islam Kuala Lumpur. Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri.
- Abd Rahman Ahmad (2006). *Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi di Malaysia*. Kedah: Human Resources Academy.
- Abd Razak Wahid (2001). Jurnal Pengetua Sebagai Pemimpin Perubahan Institut Pengetua, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Jilid 1, Bil 1. *Ijazah Sarjana Kepengetuaan*.
- Abdul Al-Fattah Abu Ghuddah (2011). *40 Strategi Pendidikan Rasulullah*. Selangor: Pelima Media Sdn Bhd.
- Abdullah Ahmad Qadiri (2002). *Syura Prinsip Utama Sistem Pemerintahan Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abdullah Md Zin (2014). *Penghayatan Wasatiyyah Dalam Pentadbiran Malaysia*. Seminar Pemahaman Pendekatan Wasatiyyah Menurut Perspektif Islam Peringkat Negeri Johor. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Abdullah Ishak (1995). *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdullah Hassan dan Ainon Muhammad (2008). *Bakat dan Kemahiran Memimpin*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahya, Abdul Rashid Mohamed, dan Abdul Ghani Abdullah. (2007). *Guru Sebagai Pemimpin*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Abdul Ghani Abdullah, Ph.D., Abd. Rahman Abd. Aziz, dan Mohammed Zohir Ahmad (2010). *Gaya-Gaya Kepimpinan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Kudus Abu Bakar (2007). *Kepimpinan Transformasi dan Hubungannya Dengan Kepuasan Kerja dan Motivasi Guru*. Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Pendidikan Universiti Sains Malaysia, tidak diterbitkan.
- Abu Urwah (2001). *Sistem-sistem Islam*. Selangor: Pustaka Salam.
- Adibah Latip, (2013). *Pembangunan Instrumen Penilaian Akhlak Pelajar (IMPAK) di Institut Pengajian Tinggi Awam*. (Doktor Falsafah), Universiti Teknologi Malaysia, tidak diterbitkan.

- Adnan Aabed (2006). *A Study Of Islamic Leadership Theory and Practice in K-12 Islamic Scholl In Michigan*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Brigham Young University, tidak diterbitkan.
- Adlouni, M. A. And Sweidan, T. M. (2000). *Al-Qiyadah fi Al-Qarn Al-Ishreen, [Leadership in the Twenty First Century]*. Riyad: Qurtobuh Lil-Intaj Al-Fanni.
- Ahmad bin Hambal, al Imam Abu Abdullah ibn Muhammad ibn Hambal ibn Hilal al- Shaibani (1994). *Musnad li al-Imam Ahmad Ibn Hambal*. Juz 1-12 Mesir: Dar al-Ma;arif.
- Ahmad Fazulla Zainal Abidin, Nur Riza Mohd Suradi (2012). *Analisa Kepimpinan Dalam Islam Daripada Perspektif Kualiti dan Produktiviti*. Jurnal Pendidikan: Pengajian Islam, USIM (ICIC).
- Ahmad Kilan @ Ahmad Kilani Mohamed dan Yahaya Jusoh (2013). *Pembangunan Modal Insan Menurut Perspektif Al-Quran*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai: Penerbit UTM Press.
- Ahmad Muhyuddin Hassan (2010). *Institusi Politik dalam Institusi-Institusi Islam*. Fakulti Tamadun Islam (FTI). Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Marzuki Mohamad, Ajmain @ Jimaain Safar, dan Wan Hassan Wan Embong, dan Zairus Norsiah Azahar (2014). *Penerapan Aqidah Tauhid Dalam Kalangan Kepemimpinan Pendidikan*. International Seminar on Islamic Law, Economic, Education, and Science Issues. Universiti Teknologi Malaysia: Skudai, 26, November.
- Ahmad Marzuki Mohamad (2013). *Amalan Kepimpinan Islam Pengetua Dan Perkaitannya Terhadap Atribut Komuniti Pembelajaran Profesional*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia, tidak diterbitkan.
- Ahmad Marzuki Mohamad, Lokman Tahir, dan Azhar Muhammad (2009). *Kepimpinan Rasulullah SAW Satu Role-Model Kepimpinan Bagi Masyarakat Madani Abad Ke 21*. Education Postgraduate Research Seminar 2009. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Shukran Mohamad (2000). *Kepuasan Kerja Guru Agama di Sekolah Menengah Daerah Pekan dan Rompin*. Tesis Sarjana. Universiti Sarawak, tidak diterbitkan.
- Ahmad Sufian (2006). *Pengamalan Ciri-Ciri Kepimpinan Rasulullah SAW Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Daerah Kota Tinggi*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, tidak diterbitkan.
- Ajmain @ Jimaain Safar, Ahmad Marzuki Mohamad, dan Wan Hassan Wan Embong (2014). *Pendidikan Akhlak Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia Sebagai Asas Kecemerlangan Pencapaian Sains dan Teknologi*. International Seminar on Islamic Law, Economic, Education, and Science Issues. Universiti Teknologi Malaysia: Skudai, 26, November.
- Ajmain @ Jimaain Safar, Shafudin Mohd Yatim, Idris Ismail, dan Mohd Fadzil Sulaiman (2013). *Panduan Pelajar Cemerlang Menurut Perspektif Islam*. Skudai: Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.

- Ajmain @ Jimaain Safar (2012), *Pembinaan Instrumen Pentaksiran Akhlak Berasaskan Rakan Sebaya Pelajaran Sekolah Menengah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, tidak diterbitkan.
- Ajmain @ Jimaain Safar (2003). *Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Modul Program Latihan Asatizah*. Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura pada 18-19 Jun 2003.
- Alexeeff, V. (2001). *Montoring public employee to change:use of organizational commitment and job satisfactions measures*. Disertasi DPA. University of Southern California. tidak diterbitkan.
- Al-Buraey, M. (1985). *Administrative Development: An Islamic Perspective*. London: Kagen Paul International Limited.
- Al-Bukhari, al-Imam Abi Abdillah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim Ibn al-Mughirah bin Bardazbah al-Jafi.1994. *Sahih Al-Bukhari* (Tahqiq: Dr Mustafa Dibu al-Bugha).
- Al-Bukhari, al-Imam Abi Abdillah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim Ibn al-Mughirah bin Bardazbah al-Jafi.1994. *Sahih Al-Bukhari* (Tahqiq: Shaikh Abd al Aziz Abdullah Jld. 1-5. Beirut: Dar al Fikr.
- Al-Farabi A.N. (1985). *Ara' Ahl Al-Madinah Al-Fadilah [Excelent City Dwellers Opinions]*. Fifth Ed. Beirut: Dar Al-Shorouq.
- Al-Ghazali, A.H.M. (1987). *Al-Tibr Al-Masbouk Fi Nasihat Al-Molouk*. Beirut: Dar Ibn Zaidoun.
- Al-Mawardi (1996). *Al Ahkam Al Sultaniyyah Wal Wilayah Ad Diniyyah*. Beirut: Al-Maktabah al Islami.
- Al- Qurtubi, Syamsuddin Abu Abdullah (1989). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran al-Karim*. Kairo: Dar al-Gad al-Arabi
- Al-Qalqashandi, A.A.A.(1963). *SubhAl-A'sha Fi Sina't Al-Insha*. Vol 1. Cairo: Al-Mua'ssasah Al-Misriyah Al-A'mmah.
- AL Ramaiah (2009). *Kepimpinan Pendidikan, Cabaran Masa Kini* (Edisi Baru). Selangor:IBS Buku Sdn Bhd.
- Al-Sayout, J.A.A. (1994). *Tarikh Al-Kholafa' (History of Kholafa)* 2nd Edition. Beirut: Dar Al-Jalil.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad Ayyub Abu al-Qasim (1983). *Al-Mu'jam al-kabir*. Juz 1-20. Al-Mosul: Maktabah al-Ulum wa al-Hikam.
- Al-Tarmidhi –Abu Ismail, Muhammad Isa (1983). *Sunan al-Tarmidhi wa hua al-jami al-Mukhtasar min al-Sunani an Rasulullah SAW, wa makrifat al sahih wa al- malul wa maklul wa ma 'alaih al-'amal*-Jld 1-5. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabiy.
- Al-Tarmidhi –Abu Ismail, Muhammad Isa (1994). *Sunan al-Tarmidhi wa hua al-jami al-Mukhtasar min al-Sunani an Rasulullah SAW, wa makrifat al sahih wa al- malul wa maklul wa ma 'alaih al-'amal*-Jld 1-5. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Talib, H.. (2001). *Traning Guide For Islamic Worker*. Second Edition. USA: International Graphics.

- Arieff Salleh bin Rosman (2007). *Islam dan Isu-Isu Semasa*. Skudai: Pusat Pengajian Islam UTM.
- Amina Hj Noor (2000). *Kejayaan Terletak Di Dalam Diri Anda*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Aminuddin Mohd Yusof (2001). *Kepimpinan: Siri Analisis Psikologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Aminuddin Ruskam Al-Dawamy (2010), *Ayat Wa Hadith Al-Ahkam* (SLQ 4622). Fakulti Tamadun Islam, Skudai: UTM.
- Aziah Ismail, Yahya Don, dan Shasitharan Raman Kutty (2007). *Teori Dan Asas Pentadbiran Pendidikan*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia (OUM).
- Azian Ahmad Shaharbi (2010). *Leadership Behavior and Practices of A Head Teacher In An Excellant School*. Tesis Ijazah Sarjana. Open University Malaysia, tidak diterbitkan.
- Azhar Ahmad (2006). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Sekolah Menengah*. Tesis PhD, Pendidikan Islam: Universiti Pendidikan Malaysia
- .Azhar Mohd Din (2009). *Gaya Komunikasi Kepimpinan Terhadap Tahap Komitmen Staf Akademik*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, tidak diterbitkan.
- Baharom Mohamad (2012). *Kepimpinan Dan Pengurusan Dalam PTV*. Modul Pengajaran: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Tun Hussein Malaysia
- Bass, B.M. (1985). *Leadership and Performance Beyond Expectation*. New York: The Free Bass.
- Babbie, E. R. (2001). *Survey Research Methods*. Belmont, CA: Wordsworth Publications.
- Babbie, E.(2009). *The practice of social research*. California: Wadsworth Publishing.
- Basri Ibrahim (2001). *Ulama Pewaris Nabi, Sifat Dan Akhlak Serta Peranannya*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Beekun, R. I., & Badawi, J. (2004). *Leadership: An Islamic Perspective*. Beltsville, Maryland: Amana Publications.
- Benning J. S., Berkowitz, M. W., Kuehn, P., dan Smith, K. (2003). *The Relationship of Character Education Implementation and Academic Achievement in Elementary Schools*. Journal or research in chara education, Vol.1(1),pp19-32.ISSN 1543-1223. 18/11/2014.
<http://www.google.scholar>.
- Black, T.R. (2005). *Evaluating social science research: an introduction*. London: Sage Publications.
- Bolman, L., & Deal, T. (2000). *People in Organization*. Dlm Fullan, M (pytg) *Educational leadership: Jossey-Bass reader series*. San Francisco: Jossey-Bass. Bust & Glover (2007). *Leadership and Diversity: Challenging theory and practice in education* London.

- Bryman, A. & Cramer, D. (2011). *Quantitative data analysis with SPSS Release 8 for Windows: A guide for social scientists*. London: Routledge.
- Camelia Mohd Kamal (2013). *Tahap Stress dan Hubungannya Dengan Komitmen Kerja Dalam Kalangan Guru Tahun Enam di Empat Buah Sekolah Berprestasi Tinggi di Daerah Johor Bahru*. Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, tidak diterbitkan.
- Carson, P, Knight, E. L., dan Roe, C. W. (1995). Power in organizations: A look through the total quality management lens. *Quality Progress*, 73–78.
- Celep, C., & Xilmaz Turk O. E., (2012). *The Relationship Among Organizational Trust, Multidimensional Organizational Commitment and Perceived Organizational Support Ineducational Organizations*, 4th World Conference on Educational Sciences , sbspro.06.512.
- Chan Yuen Fook (2010). *Kepemimpinan Transformasional dan Inovasi Pendidikan. Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-12*. Anjuran Institusi Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia. Genting Highlands, 14-17 Julai.
